

TARIKH	24 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	57	RUANGAN	Davi Terunggan

Jemaah haji terakhir selamat tiba

KUALA NERUS – Seramai 448 jemaah haji penerbangan kedua, yang juga terakhir selamat tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM), kira-kira jam 8.40 pagi, semalam.

Penerbangan yang membawa jemaah haji dari Pantai Timur termasuk Kelantan dan Pahang disambut penuh kesyukuran oleh keluarga masing-masing, yang mula membanjiri kawasan lapangan terbang awal jam 7 pagi.

Menurut Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan negeri, Muhammad Ramli Nuh, beliau bersyukur dengan kelancaran perjalanan pergi dan balik semua jemaah haji berkenaan.

“Alhamdulillah. Ahli keluarga jemaah dari Pantai Timur tidak perlu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menghantar ahli keluarga masing-masing kerana penerbangan dari LTSM terus ke Jeddah dan begitu juga kembalinya mereka.

“Kejayaan ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan sebaik mungkin kepada rakyat di negeri ini untuk menunaikan haji tanpa menempuh perjalanan jauh ke Kuala Lumpur seperti sebelum ini,” katanya.

Menurutnya, dengan adanya penerbangan terus dari LTSM, ia bukan sa-



Muhammad Ramli (kiri) bersalaman dengan jemaah haji yang selamat tiba di LTSM.

haja memudahkan urusan jemaah haji sebaliknya turut menjimatkan kos terutama ahli keluarga yang mahu menghantar waris masing-masing.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menjelaskan dua jemaah yang meninggal dunia ketika menunaikan haji kali ini telah selamat diuruskan dan ahli keluarga telah dimaklumkan mengenai perkara berkenaan.

Pada 13 November lalu, seramai 447 jemaah penerbangan pertama selamat tiba

di LTSM kira-kira jam 9.04 pagi.

Sementara itu, seorang jemaah, Wan Ngah Othman, 63, mengakui gembira dan bersyukur kerana penantian enam tahun untuk menunaikan haji akhirnya tercapai.

“Syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana impian menjejak kaki ke Tanah Suci Makkah yang menjadi impian semua umat Islam terlaksana dan jika umur panjang, insya-ALLAH saya ingin ke sana lagi,” kata ibu sembilan anak dari Padang Macang, Manir, ini.